

# SPR hadapi tugas berat pilih tarikh mengundi 38

**K**UALA LUMPUR 10 Nov. — Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menghadapi tugas berat memilih tarikh penamaan calon dan hari mengundi apabila 70 peratus daripada petugasnya merupakan guru yang mungkin terlibat menjaga peperiksaan umum.

Pengerusi SPR, Datuk Omar Mohd. Hashim berkata, mesyuarat penentuan tarikh-tarikh penting Jumaat ini juga akan mengambil kira pelbagai faktor lain seperti musim cuti sekolah dan keadaan cuaca semasa.

Katanya, perkara-perkara itu merupakan beberapa halangan yang perlu dihadapi dan diambil kira dalam menentukan tarikh penamaan calon dan pembuangan undi pilihan raya umum ke-10 akan datang.

“Kita perlu timbangkan tarikh itu dengan hati-hati, terpaksa fikir akan ada peperiksaan, ada pergerakan yang besar kerana cuti sekolah dan mungkin juga banjir.

“Kita kena fikir masak-masak...tetapi kalau sesuatu perkara itu perlu dilakukan, kita kena buat juga,” katanya kepada



menuhi segala syarat yang telah ditentukan oleh undang-undang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan pembubaran Parlimen itu berharap pilihan raya kali ini dapat diadakan sebelum bulan Ramadan yang dijangka jatuh pada 9 Disember.

## Notis

para pemberita pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Menurut Omar, pihaknya sukar mendapatkan petugas yang baru kerana semua 109,000 petugas SPR telah diberi latihan yang mencukupi termasuk memahami segala aspek undang-undang pilihan raya.

Sehubungan itu, Omar menolak kemungkinan pilihan raya akan diadakan sebelum peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang dijadual bermula pada 22 November ini.

Katanya, tarikh itu agak mustahil kerana ia terlalu singkat untuk me-

Menurut undang-undang pilihan raya, penamaan calon hanya boleh dibuat empat hari selepas tarikh notis dikeluarkan sementara pembuangan undi berjalan sekurang-kurangnya tujuh hari selepas hari penamaan calon.

Sementara itu, kesatuan-kesatuan guru yang dihubungi yakin dengan kewibawaan SPR dalam memilih tarikh terbaik untuk menetapkan hari mengundi tanpa mengganggu perjalanan peperiksaan umum.

Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), **N. Siva Subramaniam** berkata, orang ramai tidak perlu bimbang kerana tenaga guru yang ada mencukupi bagi tugas-tugas tersebut.

UM 11 NOV 1999

## TARIKH PEMBUBARAN PARLIMEN & TEMPOH KEMPEN SEJAK PILIHAN RAYA UMUM 1959

TAHUN	NOTIS PILIHAN RAYA	PENAMAAN CALON	PENGUNDIAN	TEMPOH KEMPEN
1959	1 Julai	15 Julai	19 Ogos	35 hari
1964	4 Mac	21 Mac	25 April	35 hari
1969	24 Mac	5 April	10 Mei	35 hari
1974	1 Ogos	8 Ogos	24 Ogos	16 hari
1978	13 Jun	21 Jun	8 Julai	17 hari
1982	30 Mac	7 April	22 April	15 hari
1986	19 Julai	24 Julai	3 Ogos	10 hari
1990	6 Okt.	11 Okt.	20&21 Okt.	10 hari
1995	10 April	15 April	24 & 25 April	10 hari

“Kita ada lebih kurang 300,000 guru di seluruh Malaysia dan yang terlibat dengan peperiksaan umum hanyalah antara 5 hingga 10 peratus sahaja.

“Lagipun kerja mereka untuk pilihan raya secara umumnya untuk menjaga peti undi serta pengiraan

undi yang mana ia hanya memakan masa satu hari sahaja,” katanya senasa dihubungi di sini hari ini.

Presiden Persatuan Guru Sarawak, **William Ghani Bina** pula yakin bahawa pihak kerajaan telah mengambil kira semua kemungkinansema-

sa memilih tarikh untuk membubarkan Parlimen.

"Berdasarkan pengalaman yang lepas-lepas, kita dapati sebarang masalah berhubung pertembungan atau pemilihan tarikh yang kurang sesuai tidak pernah berlaku.

"Jadi untuk pilihan raya kali ini, pihak kami yakin kerajaan telah meneliti sebarang kemungkinan yang mungkin timbul serta bersedia mengatasinya bagi memastikan pilihan raya kali ini berjalan lancar," katanya.

Setiausaha Agung Ke-

satuan Kebangsaan Guru-Guru Lepas Maktab Semenanjung Malaysia, **Tengku**

**Arshad Long** pula berkata, kebanyakan guru yang akan membantu SPR tidak terlibat dalam peperiksaan.

"Pihak kesatuan yakin SPR tidak akan mengga-dai masa depan para pelajar yang telah belajar bertungkus lumus dengan memilih tarikh yang silap atau guru yang terlibat juga terlibat dalam peperiksaan umum.